



PEMBERITAHUAN

KAJIAN PENGGUNA YES (PASCABAYAR DAN PRABAYAR) 2012

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menjalankan **Kajian Pengguna YES (Pascabayar dan Prabayar) 2012** untuk mengumpul data berkaitan dengan penggunaan Internet.

Ini adalah sebahagian daripada penyelidikan SKMM berkaitan penggunaan Internet di Malaysia. Hasil kajian ini akan membantu menambahbaikkan program Internet SKMM melalui peningkatan penggunaan jalur lebar.

Kajian ini akan dijalankan sepenuhnya melalui telefon dan akan bermula pada 1 Disember 2012 sehingga 31 Disember 2012. Pungutan data akan berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga jam 5.00 petang pada setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad kecuali hari-hari kelepasan am Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Selangor. Pelanjutan tempoh kajian, sekiranya didapati perlu, akan diumumkan pada laman sesawang SKMM.

Kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat dan tiada aktiviti jual-beli akan berlangsung. Responden akan dipilih secara rawak oleh komputer berdasarkan nombor telefon. Walaupun penyertaan adalah secara sukarela, kerjasama daripada orang ramai dipohon agar dapat memberikan maklumat yang dikehendaki. Maklumat yang dikumpul tidak akan dihebahkan dan akan digunakan untuk kiraan statistik di peringkat kebangsaan semata-mata.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor
(u/p: Jabatan Statistik)
Tel: +603 86 88 8457
+603 22 72 66 66
Faks: +603 86 88 10 50

www.skmm.gov.my